



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 8 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MB NAFI LADANG ANGSA PUNCA PENCEMARAN, DALAM NEGERI, UM -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2.	5 KALI TERCEMAR SEJAK NOVEMBER 2019, NASIONAL, BH -20	
3.	1,000 IKAN MATI ALAT BEKAL OKSIGEN ROSAK, LOKAL, HM -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MB nafi ladang angsa punca pencemaran

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan menyangkal dakwaan bahawa pencemaran Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi berpunca daripada aktiviti pembersihan ladang angsa di Sungai Pajam, Nilai.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, pihaknya kesal dengan dakwaan sesetengah pihak dan beliau menganggap dakwaan itu tidak adil kepada pengusaha ladang angsa tersebut.

“Ya, betul ia beroperasi secara tidak sah tetapi kita tidak menyalahkan dia kerana banyak punca lain. Punca utama telah dikenal pasti dan kita ambil maklum. Kita juga minta Jabatan Veterinar menyasat secara mendalam berkaitan ladang tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam akhbar selepas mengumumkan Mesyuarat Mingguan Exco di Wisma Negeri, di sini hari ini.

Aminuddin menambah, beliau juga memohon agar pihak yang mendakwa ladang

tersebut sebagai punca pencemaran agar memperbetulkan dakwaan tersebut.

“Dakwaan yang berlebihan dan mana-mana pihak tidak boleh menyalahkan pihak ladang angsa tersebut kerana kes ini masih dalam siasatan. Diharap perkara ini tidak perlu ditimbulkan sehingga memberi tekanan kepada pengusaha,” katanya.

Hari ini, Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner (SAC), Che Zakaria Othman berkata, dua lelaki tempatan disyaki terlibat dalam kes pencemaran di Sungai Batang Benar yang telah menyebabkan gangguan bekalan air di Selangor direman tujuh hari bermula hari ini.

Kedua-dua suspek ditahan di Kota Bharu, Kelantan pada pukul 12.45 tengah hari semalam.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, kerajaan negeri telah mendapat maklumat berkaitan pembuangan sisa daripada pemberi maklumat.



Longgokkan sampah yang memenuhi Sungai Batang Benar.

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

5 kali tercemar sejak November 2019

Seremban: Kes pencemaran Sungai Batang Benar, Pajam, yang menyebabkan dua loji rawatan air (LRA) dihenti tugas dan menjejaskan bekalan air kepada lebih 300,000 akaun di Lembah Klang adalah kali kelima berlaku di negeri ini membabitkan beberapa lokasi sejak November tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Berindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata sebelum ini, beberapa kes membabitkan pencemaran sungai berlaku di Mantin, Rasah, Rembau dan Port Dickson.

Katanya, berdasarkan siasatan awal, ladang penternakan itik dan angsa di tepi Sungai Pajam, serta Kawasan Perindustrian Ni-

lai 3, Nilai yang didakwa menjadi punca pencemaran itu beroperasi tanpa lesen sejak empat tahun lalu.

"Kerajaan negeri akan mengambil tindakan termasuk melakukan pemutihan di kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Mengulas lanjut, Veerapan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Repah berkata, tindakan pemutihan terhadap kilang haram di negeri itu sentiasa diberikan perhatian.

Beliau berkata, pihaknya akan meminta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) dan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) untuk terus memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak tidak

bertanggungjawab.

"Tidak dinafikan banyak tindakan sudah diambil terhadap isu kilang atau premis haram dan dalam kes ini, JPVNS serta MBS akan mengambil tindakan lanjut," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri masih menyiariat bagi mengenal pasti punca sebenar pencemaran. Ahad lalu.

Menurutnya, jika ada bukti kukuh, kes boleh disabitkan mengikut Seksyen 34B (1) (a), Akta Kualiti Alam Sekejling 1974.

"Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan didenda tidak melebihi RM500,000," katanya.

1,000 ikan mati alat bekal oksigen rosak

Seremban: Kira-kira 1,000 ikan di dua kolam rekreasi milik Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seremban 3 di sini, mati akibat kekurangan oksigen terlarut di dalam kolam berkenaan, Isnin lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hamip berkata, pihaknya menerima aduan daripada pihak pengurusan UiTM Seremban 3 mengenai kejadian itu Isnin lalu, sebelum ke lokasi untuk membuat siasatan.

"Hasil siasatan mendapati kira-kira 80 ikan dalam kolam berkenaan mati disebabkan kekurangan oksigen terlarut kurang daripada paras sepatutnya.

"Terdapat tiga jenis ikan dalam kolam berkenaan iaitu tilapia, lampam jawa dan



IKAN di dua kolam milik UiTM Seremban 3 mati akibat kekurangan oksigen.

baung pelbagai saiz.

"Kolam berkenaan diselia oleh UiTM sebagai ternakan

rekreasi dan aktiviti pembelajaran luar kelas bagi pelajar seperti mengocor dan

sebagainya," katanya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Halimi berkata, pihaknya memban-tu pengurusan UiTM Seremban 3 dengan membekalkan benih ikan dan penyediaan seterusnya dilakukan pihak pengurusan universiti itu.

"Secara purata terdapat pelbagai saiz ikan di dalam kolam berkenaan dan ada sebahagiannya yang sudah membesar dan boleh dinaikkan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Kosperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, pihaknya sudah menerima laporan berkenaan berpu-luh-puluh ikan mati di kolam takungan UiTM Seremban 3.